

**NO. SOALAN: 85**

**PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED (PULAI)**

**TARIKH : 19 JUN 2014**

**SOALAN :** Y.B DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED minta menyatakan peranan sebenar yang dimainkan oleh Majlis Perundingan Perpaduan Nasional (MPPN) serta sama ada semua syor yang dikemukakan akan dilaksanakan Kerajaan.

**JAWAPAN :**

**Yang Di Pertua,**

Sebelum Majlis Konsultansi Perpaduan Negara (MKPN) terdapat sebuah badan yang dikenali sebagai Majlis Perpaduan Negara yang ditubuhkan oleh Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) bersandarkan Ordinan (Kuasa-kuasa Perlu) Dharurat, 1969.

Kepelbagaiannya yang ada di negara masyarakat majmuk seperti Malaysia ini, menjadikan MKPN menyandang tugas dan tanggungjawab yang amat besar dan penting. Setiap perbincangan dan jalan penyelesaian yang dicadangkan memerlukan pemerhatian dari pelbagai sudut pandangan, perspektif yang seimbang, mampu memberi pandangan konstruktif malah mampu menyumbang kepada usaha memupuk, memelihara dan mengukuhkan penyatuan dan perpaduan nasional. Berpandukan kepada asas-asas berkenaan, MKPN boleh dijadikan sebagai panduan, antaranya:

- a. Bertindak sebagai badan penasihat kepada kerajaan dalam hal ehwal perpaduan dan integrasi nasional;
- b. Menyediakan forum untuk ahli-ahlinya mengemukakan buah fikiran bagi menentukan halatuju dan dasar perpaduan negara dan integrasi nasional;

- c. Mencadangkan bidang kajian yang diperlukan berkaitan dengan perpaduan negara dan integrasi nasional;
- d. Menggubal pelan tindakan perpaduan negara dan integrasi nasional; dan
- e. Mencadangkan pandangan-pandangan untuk mengukuhkan perpaduan negara dan integrasi nasional.

Skop dan peranan MKPN turut membincangkan isu-isu sukar yang mempengaruhi perpaduan nasional terutamanya yang melibatkan aspek pendidikan, sosio-ekonomi dan sebagainya. Ini kerana peranan MKPN tidak hanya melibatkan perbincangan isu-isu agama seperti yang dimainkan sekarang kerana JPNIN telah mempunyai platformnya sendiri iaitu Jawatankuasa Mempromosi Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA) yang telah ditubuhkan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 24 Februari 2010 lagi.

Isu-isu yang boleh mempengaruhi perpaduan nasional serta persepsi rakyat wajar dikaji dan dibincangkan dalam konteks yang betul dan telus. Ini bermakna tidak semestinya satu bentuk penyelesaian nasional yang sedia ada boleh digunakan bagi semua peringkat. Oleh itu, bagi menyokong MKPN, terdapat lima Jawatankuasa Kerja di bawah MKPN. Jawatankuasa ini akan memberi tumpuan kepada beberapa bidang sebagai panduan menjalankan tugas-tugasnya. Bidang-bidang tersebut ialah:

- a. Perundangan dan dasar-dasar mempromosikan keharmonian negara;
- b. Membina bangsa dan persefahaman silang budaya;
- c. Pembangunan inklusif;
- d. Belia dan perpaduan; dan
- e. Integrasi nasional.

Hasil daripada perbincangan setiap Jawatankuasa Kerja MKPN ini perlu dibentangkan dan mendapat persetujuan dalam mesyuarat MKPN induk. Dan menjadi tanggungjawab MKPN selanjutnya untuk membentangkan laporan hasil perbincangan dan cadangan penyelesaian untuk dipertimbangkan oleh Kerajaan.